

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'  
OTHMAN SAID  
[PENGERANG ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membaiki kerosakan struktur rumah di Taman Bayu Damai yang masih tidak dapat diselesaikan di mana ianya memerlukan peruntukan tambahan bagi membaik pulih hampir 300 buah rumah yang retak dan senget serta mengalami masalah perparitan sehingga sukar untuk dihuni.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR.**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek perumahan Taman Bayu Damai di Pengerang, Kota Tinggi, Johor adalah sebuah skim perumahan kawasan penempatan semula untuk penduduk-penduduk dari enam kampung di Pengerang yang terlibat dalam pengambilan balik tanah oleh Kerajaan Negeri Johor untuk tujuan pembangunan Kompleks Bersepadu Pengerang oleh PETRONAS serta para penduduk kampung yang berada di dalam zon penampungan ('buffer zone') pembangunan Pengerang Deepwater Terminal. Di bawah skim tersebut, penduduk menerima pampasan pengambilan balik tanah dan boleh menggunakan wang pampasan untuk membeli rumah di Taman Bayu Damai.

Pemilik projek Taman Bayu Damai adalah Kerajaan Negeri Johor, sementara Tebrau Bay Construction Sdn Bhd telah dilantik sebagai kontraktor reka dan bina ('design and build') untuk membina 949 unit rumah di atas kawasan seluas 157 hektar (387 ekar).

Kerja-kerja pembinaan bermula pada November 2012. Kumpulan pertama penduduk telah berpindah ke Taman Bayu Damai pada bulan Mac 2014, dan sehingga 30 April 2015, 842 unit rumah telah diserahkan kepada pembeli. Selaku kontraktor 'design & build', Tebrau Bay Construction bertanggungjawab memperbaiki semua kecacatan dan kerosakan selagi unit-unit rumah tersebut berada dalam tempoh tanggungan jaminan kecacatan ('defect liability period').

Memang benar terdapat kira-kira 120 buah rumah yang mengalami kerosakan besar, tetapi Tebrau Bay Constructions kini sedang melakukan kerja-kerja pembaikan kecacatan pembinaan serta pemulihan tapak rumah, sistem perparitan dan sistem perpaipan yang terjejas akibat mendapan tanah. Kontraktor tersebut dipantau oleh sebuah pasukan dianggotai wakil-wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) dan jururunding pembinaan lantikan Kerajaan Negeri Johor.

Kerja-kerja pembaikan kerosakan besar akan memerlukan lebih banyak masa, bergantung kepada jenis dan tahap kerosakan. Bagaimanapun, oleh kerana rumah-rumah tersebut masih dalam tempoh tanggungan jaminan kecacatan, kos pembaikan dan pemulihan adalah di bawah tanggungan kontraktor reka dan bina.

Sekian, terima kasih.